



# PERSIDANGAN WAKAF MUAAQQAT:

Meneroka Potensi dan Cabaran dalam  
Konteks Perundangan dan Pembangunan Wakaf di Malaysia



**RABU**  
**23 JULAI 2025**

RAKAMAN OLEH:

SILK BALLROOM  
HOTEL ZENITH PUTRAJAYA  
9:00 Pagi - 1:00 Tengah Hari

QR PENDAFTARAN



KLIK PAUTAN PENDAFTARAN

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

En. Mohd Amiruddin : 03-6204 6321  
Cik Raihan Farina : 03-6204 6326

E-mel: [program@ikim.gov.my](mailto:program@ikim.gov.my)



[program@ikim.gov.my](mailto:program@ikim.gov.my)



[program.ikim.gov.my](http://program.ikim.gov.my) / [ikim.gov.my](http://ikim.gov.my)



# PENGENALAN

Pada asalnya keharusan wakaf muaqqat (wakaf sementara/wakaf bertempoh) merupakan pandangan minoriti ulama silam. Namun seiring dengan peredaran masa, penerimaan wakaf muaqqat dilihat semakin meluas. Hal ini disandarkan kepada perakuan keharusannya yang dibuat oleh para ulama kontemporari, Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI). Menerusi wakaf muaqqat, pemilik harta alih dan tak alih boleh berwakaf untuk tempoh masa tertentu tanpa berlaku pertukaran hak milik; dan pada masa yang sama memperoleh pahala berterusan selagi mana manfaat yang terhasil dinikmati oleh mauqif alaih (penerima wakaf). Ulama kontemporari seperti Monzer Kahf, Muhammad Abu Zahrah, Muhammad Anas Ibn Mustafa al-Zarqa dan Hasan Muhammad al-Rifaie menyokong pelaksanaan wakaf muaqqat kerana memenuhi objektif sosial yang pelbagai dan boleh melibatkan lebih ramai masyarakat dalam amalan kebajikan. Walaubagaimanapun pada masa kini, penerimaan masyarakat serta amalan wakaf muaqqat di Malaysia masih belum meluas. Hanya beberapa negeri sahaja yang menyebut tentang wakaf muaqqat dalam enakmen wakaf masing-masing. Sehubungan dengan itu, kajian dan analisis lanjut diperlukan bagi memahami dan mengoptimumkan pelaksanaannya dalam konteks ekonomi semasa.

# OBJEKTIF

**Matlamat penganjuran persidangan ini adalah seperti yang berikut:**

- Meneroka sektor-sektor yang berpotensi untuk menggunakan kaedah perwakafan secara bertempoh (muaqqat)
- Memperkaya sumber literatur tentang wakaf muaqqat sebagai rujukan khususnya pada peringkat tempatan
- Mencadangkan kajian ijtihad secara berpusat tentang wakaf muaqqat kepada para pemegang taruh.

# ATUR CARA

- 08:30 pagi : Pendaftaran/Sarapan
- 09:30 pagi : Majlis Pembukaan dan Bacaan Doa
- 09:35 pagi : **UCAPAN ALU-ALUAN**  
YBrs. Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad  
Pengarah  
Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (IKIM)
- : **Sesi Pembentangan**  
Moderator: YBrs. En. Mohd Bokhari bin Mat Doa  
Pengurus Bahagian Kewangan, Yayasan Waqaf Malaysia
- 09:40 pagi -  
10:10 pagi : **KERTAS 1**  
**Wakaf Muaqqat: Pensyariatan, Hukum dan Keperluan Semasa**  
YBhg. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood  
Jabatan Syariah dan Undang-undang  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)
- 10:10 pagi -  
10:40 pagi : **KERTAS 2**  
**Perspektif MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Aset Wakaf berkenaan Pelaksanaan Wakaf Muaqqat**  
YBhg. Dato' Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin bin Adnan  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- 10:40 pagi -  
11:10 pagi : **KERTAS 3**  
**Pelaksanaan Wakaf Muaqqat ke atas Harta Beku Umat Islam: Analisis Keperluan Undang-undang**  
YBhg. Prof. To' Puan Dr. Nor Asiah binti Mohamad  
Pensyarah  
Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 11:10 pagi -  
11:40 pagi : **KERTAS 4**  
**Potensi Wakaf Muaqqat sebagai Instrumen Pewarisan Islam**  
YBrs. Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad  
Pengarah  
Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (IKIM)  
&  
YBrs. Puan Nur Syahidah binti Abdul Jalil  
Fellow  
Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (IKIM)
- 11:40 pagi -  
12:10 tgh. hari : **KERTAS 5**  
**Potensi Pelaksanaan Wakaf Muaqqat di Peringkat Institusi Kewangan**  
YBrs. Tuan Haji Nazri bin Chik  
Ketua Pegawai Kewangan Sosial Kumpulan, Bank Islam
- 12:10 tgh. hari : Perbincangan
- 01:00 tgh. hari : Makan tengah hari/ Bersurai